

**Marilah Menuju Kemajuan yang Abadi**

Melihat kepada keadaannya suasana masyarakat kita bangsa Melayu di tanah air kita ini – Tanah Melayu – meskipun dikatakan telah merdeka hampir dua tahun sudah lamanya, namun belum juga lagi kita nampak bahawa kemajuannya bangsa kita umat Melayu yang dapat kita banggakan dalam perkara apa pun jua. Maka oleh yang demikian, tersangat perlulah kepada kita semuanya menyedarinya, dan bersatu padu dalam erti kata yang sebenar-benarnya di dalam suatu tenaga raksasa dan di dalam satu cita-cita yang bulat dan besar pula untuk terlaksana dan tercapainya apa yang dinamakan kemajuan kita – kita umat bangsa Melayu sendiri – yang sejati dan abadi seperti mana bangsa-bangsa lain yang merdeka di alam buana ini.

(oleh: ‘Alimīn)

AllahYang Maha Besar telah pun memberikan pertunjuk dan bimbingannya kepada kita sekalian supaya kita bersatu dalam satu cita-cita besar bagi mencapai kemajuan-kemajuan menurut keredaan-Nya seperti mana firman-Nya di dalam al-Qur’ān: *aḥī’ū Allāha wa aḥī’ū al-Rasūl wa lā tanāza’ū fatafshalū wa tadhhaba rīḥukum*” ertinya: Taatlah kamu kepada-Ku –Allah – dan taatlah kepada Rasul – pesuruh-Ku – dan janganlah kamu berpecah – hendaklah kamu bersatu – maka jikalau kamu berpecah, lemahlah kamu dan hilang kekuatan kamu .....

**Singkirkanlah Kehinaan:**

Saya percaya, tidak siapa yang dapat menafikan bahawa semenjak robohnya kerajaan Melayu yang agung di Melaka dala tahun 1511 itu, maka bangsa Melayu, tegasnya umat Melayu, dan agama Islam – agama orang Melayu sendiri – telah menjadi hina, dihinakan oleh orang , terutamanya oleh empayar imperialisme.

Oleh yang demikian, setelah kita umat Melayu menyedari perihal itu, maka sudah pastilah menjadi tanggungjawab kita bersama menyingkirkan kehinaan-kehinaan itu dari sekarang juga dari kalangan masyarakat kita bangsa Melayu dan kita mestilah mengikuti habis-habisan. Firman Allah di dalam al-Qur’ān: *Lā tahinū wa lā taḥzanū wa antumu al-a’lawna in kuntum mu’minīn.....*” ertinya: “.....Jangan kamu jadi hina dan jangan jadi bangsa yang berdukacita, bahkan kamulah umat yang paling tinggi– agung – jika betul kamu orang mukmin.....” Dalam soal ini juga menurut pendapat saya, untuk mencapai kejayaannya adalah dengan bersatu- padu di dalam suatu tenaga raksasa pula.

**Bahan kemajuan:**

Dalam soal kita menuju kemajuan yang abadi itu segala bahannya adalah penting sekali. Di antaranya ialah:

1. Mengikuti 100 peratus ajaran-ajaran dan dasar agama Islam – Islam agama penyelamat – itu.
2. Orang-orang Melayu sendiri tidak berlaku khilaf dan salah lagi dalam banyak perkara.
3. Membersihkan diri dari faham penjajahan – imperialisme.
4. Yang ada kesalahannya rujuk, dan yang tersesat balik ke pangkal semula.
5. Buktikan persatu paduan yang konkrit ke alam nyata.
6. Gantikan daripada berjiwa hamba kepada jiwa merdeka di kalangan 80 peratus umat Melayu kita di Malaya ini terutamanya para pemuda dan pemudi. Yang demikian kiranya dilaksanakan dengan sepusat-pusatnya oleh kita sekalian, kemajuan yang kita cita-citakan tetap akan tercapai dengan keredaan Allah.

**Terletak pada tempatnya:**

Sesudahnya kita capai segala bahan-bahan kemajuan kita tadi, di manakah pula tempatnya kita akan letakkan dan tempatkan, di atas faham dan negara feodalistikah? ....., atau di atas faham negara kapitalistikah? ..... ataukah di atas faham dan negara *imperialist* dan juga Komunis?....., tidak! Sekali lagi tidak, itu semuanya adalah tidak terjamin, tidak dijamin oleh Allah Yang Maha Besar dan Maha Berkuasa. Zaman dan rasa kesedaran di seluruh umat manusia juga tidak akan memberi tempat lagi bagi feodalis, kapitalis, imperialis dan

Komunis itu berkembang berleluasa seperti yang telah lalu, ini akan hancur lebur, dihancurkan oleh Tuhan *Rabb al-‘Ālamīn* kerana Tuhan telah pun menyatakan yang demikian itu kepada kita, iaitu dengan firman-Nya:

“*Inna al-dīna ‘inda Allahi al-Islām*” yang ertinya

“Agama yang diakui di sisi Allah hanyalah Islam” –

Islamisme. Demikianlah pula tentang manusia iaitu hambanya, seperti mana firman-Nya;

“Orang mulia di sisi Tuhan hanyalah orang yang

takwa.....”

Jadinya, menurut pendapat saya, untuk meletak dan menempatkan kemahuan-kemahuan kita itu supaya kekal dan abadi ialah di atas sebuah negara Islam yang corak pemerintahannya berdasarkan Islam dan berpendirian yang hak dan saksama menuju “*baldatun toyyibatun wa rabbun ghafūr.*”

**Buku-buku pelajaran**

Surat-menyurat (jawi)	\$ 1.80
Panduan membaca dan menulis jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II mengenai imam, makmum, masbuk dan seumpamanya	1.20
Mari sembahyang (lelaki)	1.20
Mari sembahyang (perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	